



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“WASPADA SMS YANG MENGANDUNGI PAUTAN BERKAITAN LESEN MEMANDU”

PUTRAJAYA, 4 MAC 2025 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah menerima aduan daripada orang awam berhubung Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang mengandungi pautan berkaitan lesen memandu.


Pihak JPJ ingin menjelaskan bahawa Jabatan ini tidak pernah menghantar mana-mana pautan berkaitan urusan lesen memandu melalui SMS kepada orang awam. Jabatan ini juga telah mengenalpasti bahawa SMS yang dihantar menggunakan nama MyJPJ adalah mengandungi pautan *pishing* untuk tujuan memperdaya orang awam.

Justeru, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dengan mana-mana platform yang menawarkan perkhidmatan JPJ yang tidak sah bagi mengelakkan sebarang penipuan dan kerugian, sebaliknya orang ramai perlu merujuk atau menghubungi pihak JPJ terlebih dahulu untuk maklumat lanjut.

Jabatan ini sentiasa berusaha dan komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang awam terutamanya para pelanggan JPJ sentiasa terpelihara. Sebarang aduan rasmi boleh disalurkan kepada pihak JPJ menerusi Portal Aduan Rasmi JPJ - <https://ipj.spab.gov.my/> .

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
4 MAC 2025**

[TAMAT]



Sekiranya anda menerima SMS yang mempunyai pautan dan menyamar sebagai pihak JPJ seperti di atas, mohon jangan klik pautan tersebut serta sentiasa berwaspada dengan SMS yang diterima.